

Surat khabar: Utusan Sarawak (Sukan)

Hari/Tarikh: 20/5/2013

Muka surat: S10

Tajuk : UNIMAS Jayakan Ekspedisi Kayak.

S10

ISNIN • 20 Mei 2013 • 10 Rejab 1434H •



SIAP SEDIA ... Para peserta bersedia memasuki kayak masing-masing sebelum memulakan ekspedisi mereka semalam. • FAIZAL BUJANG.

UNIMAS jayakan ekspedisi kayak

SERAMAI 60 peserta terdiri daripada pelajar Kokurikulum Berkredi Kumpulan 7, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menyertai Ekspedisi Kayak Ke Pulau Satang Besar.

Program musim kedua dianjurkan itu bertemakan 'Tawan Pulau Satang Besar' berlangsung di Esplanade PPD Telaga Air yang bertujuan melatih peserta dari segi teori dan praktikal dalam acara

berkayak selain memperkasakan elemen 'Kemahiran Insaniah' yang wajib dimiliki oleh setiap peserta mahupun pelajar terlibat.

Majlis perasmian program berkenaan telah disempurnakan oleh Timbalan

Dekan, Pusat Pemajuan Pelajar UNIMAS, Prof. Madya Dr. Siti Raudah Ghazali.

Dalam ucapan ringkasnya, beliau

berharap program berkenaan dapat menjadi pengalaman baharu peserta terlibat.

"Kita berharap program seperti ini akan dapat mematangkan peserta terlibat selain lebih berdaya saing yang optimun dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual," katanya.

Sambil pada masa sama beliau pendekatan dilakukan ini dapat mendedahkan kepada peserta terlibat dengan aktiviti berkayak yang sebenar.